



# قوسٲ كٲحساٲن ٲي-كراچاٲن

## E-GOVERNMENT NATIONAL CENTRE

**GARISPANDU PEROLEHAN PERALATAN-PERALATAN RANGKAIAN SECARA PUSAT  
(NETWORK CENTRAL PROCUREMENT)**

**BAGI**

**KEMENTERIAN-KEMENTERIAN DAN JABATAN-JABATAN KERAJAAN**

## KANDUNGAN

<b>TUJUAN</b> .....	3
<b>KEBENARAN LEMBAGA TAWARAN KECIL</b> .....	3
<b>KONTRAK INDUK</b> .....	3
<b>TATACARA PEROLEHAN PERALATAN IT</b> .....	4
<b>SYARAT DAN TERMA KONTRAK <i>NETWORK CENTRAL PROCUREMENT (NCP)</i></b> .....	6
<b>Hak milik dan penggunaan</b> .....	6
<b>Jaminan (<i>Warranty</i>) dan Pemeliharaan (<i>Maintenance</i>)</b> .....	6
<b>Purchase Order (PO) / Kontrak dalam Sistem TAFIS</b> .....	7
<b>Penerimaan Peralatan-Peralatan Rangkaian NCP</b> .....	8
<b>Pemasangan dan Ujian ke atas Peralatan Rangkaian NCP</b> .....	9
<b>Acceptance Certificate</b> .....	10
<b>Pembayaran</b> .....	10
<b>Aduan Kerosakan</b> .....	11
<b>Peralatan</b> .....	11
<b>LAIN LAIN HAL</b> .....	11
<b>LAMPIRAN 1 - CARTA ALIRAN BAGI TATACARA PEROLEHAN PERALATAN RANGKAIAN</b> ....	13
<b>LAMPIRAN 3 - ACCEPTANCE CERTIFICATE</b> .....	15
<b>LAMPIRAN 4 – STANDARD COVERAGE PERIOD, RESPONSE TIME &amp; RESOLUTION TIME</b> .....	16
<b>LAMPIRAN 5 – CONTOH INBOIS</b> .....	18

## PENDAHULUAN

1. Kontrak induk Perolehan Peralatan-Peralatan Rangkaian Secara Pusat (*Network Central Procurement*) adalah merupakan satu perjanjian di antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan **Syarikat Huawei Technologies (B)Sdn Bhd** bagi pembekalan, penghantaran, pemasangan dan pemeliharaan peralatan-peralatan Rangkaian secara pembelian secara langsung (*outright purchase*).
2. Kontrak induk ini membolehkan Kementerian/Jabatan mendapatkan pembekalan peralatan-peralatan Rangkaian yang tertentu dengan kadar harga yang tetap di sepanjang tempoh kontrak induk. Pembelian bolehlah dibuat terus kepada syarikat pembekal yang dilantik tanpa melalui proses sebutharga ataupun tawaran.

## TUJUAN

3. Tujuan utama penyediaan kontrak induk *Network Central Procurement* ialah untuk:
  - 3.1 Memberkesankan pengurusan dan mempercepatkan proses perolehan peralatan-peralatan Rangkaian Kementerian/Jabatan tanpa penyediaan proses tawaran/sebutharga;
  - 3.2 Menyelaraskan tatacara perolehan peralatan-peralatan Rangkaian di Kementerian-Kementerian dan Jabatan-Jabatan Kerajaan;
  - 3.3 Menyelaraskan penggunaan jenis dan sistem peralatan-peralatan Rangkaian Kerajaan;
  - 3.4 Membolehkan Kementerian/Jabatan mendapatkan pembekalan peralatan-peralatan Rangkaian yang tertentu dengan kadar harga yang tetap di sepanjang tempoh kontrak induk tersebut.

## KEBENARAN LEMBAGA TAWARAN KECIL

4. Kontrak induk ini telah diberi kebenaran melalui surat kebenaran Lembaga Tawaran Kecil Jabatan Perdana Menteri bilangan JPM/S/LTK/EGNC/21/2017-2018 bertarikh 23 Muharram 1440 / 03 Oktober 2018 dan telah ditandatangani pada 14 Julai 2021 untuk **tempoh pembekalan selama lima (5) tahun bermula 14 Julai 2021 hingga 13 Julai 2026**.

## KONTRAK INDUK

5. Perolehan peralatan-peralatan Rangkaian yang termasuk di dalam kontrak *Network Central Procurement* adalah melalui **pembelian secara langsung** bagi semua peralatan-peralatan yang tersenarai di dalam **Katalog Peralatan NCP**, yang boleh didapati di <http://www.egnc.gov.bn/SitePages/Downloads.aspx>.

## TATACARA PEROLEHAN PERALATAN IT

6. Tatacara perolehan peralatan-peralatan Rangkaian yang terkandung dalam kontrak induk *Network Central Procurement* adalah seperti berikut:

### 6.1. Peruntukan

- (i) Kementerian/Jabatan hendaklah menggunakan peruntukan tahunan (melalui tajuk Perbelanjaan Berulang-Ulang) atau peruntukan bagi projek E-Kerajaan di bawah Rancangan Kemajuan Negara (RKN) masing-masing bagi membiayai pembelian peralatan-peralatan Rangkaian berkenaan.
- (ii) Perancangan dan pembiayaan bagi pembelian peralatan-peralatan Rangkaian tersebut adalah di bawah kawalan Kementerian/Jabatan masing-masing. Setiap Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan peruntukan adalah mencukupi setiap tahun bagi membuat pembayaran peralatan-peralatan Rangkaian tersebut.
- (iii) Perolehan peralatan Rangkaian adalah mengambil kira proses pengemaskinian keperluan Kementerian/Jabatan bagi peralatan Rangkaian yang telah pun dilaksanakan dan berdasarkan ketetapan Ketua Pegawai Maklumat (CIO) setiap Kementerian/Jabatan masing-masing.

### 6.2. Proses Perolehan Peralatan Rangkaian [Rujuk LAMPIRAN 1 Carta Aliran bagi Tatacara Perolehan Peralatan Rangkaian].

Nota: Bagi pembelian peralatan-peralatan sahaja (yang tidak memerlukan *site study*), sila langkau ke langkah 6.2.6.

- 6.2.1 Kementerian/Jabatan perlu mengisi borang *Network Central Procurement (NCP)-Perkhidmatan Site Study* [Lampiran 2] dan menghantar borang tersebut melalui emel terus kepada Syarikat Huawei di [noorm.farok@huawei.com](mailto:noorm.farok@huawei.com) (cc [procurement@egc.gov.bn](mailto:procurement@egc.gov.bn) dan [network@egc.gov.bn](mailto:network@egc.gov.bn) Pusat Kebangsaan E-Kerajaan) bagi tujuan *site study*.
- 6.2.2 Kementerian/Jabatan hendaklah menyertakan maklumat lengkap seperti berikut semasa mengisi borang *Network Central Procurement - Perkhidmatan Site Study* [Lampiran 2]:
  - a. Nama Kementerian
  - b. Nama Jabatan
  - c. Keterangan (nama, emel dan telefon) Pegawai yang dapat dihubungi (*contact person*)
  - d. Tarikh yang dicadangkan untuk melakukan *Site Study*
  - e. Tujuan melakukan *Site Study*
  - f. Alamat tempat bagi *Site Study*

- 6.2.3 Setelah borang diterima, Syarikat Huawei akan menghubungi *contact person* untuk menetapkan tarikh dan masa bagi menjalankan *site survey*.
- 6.2.4 Setelah *site survey* dijalankan, Syarikat Huawei akan menyediakan dokumen *Network Solutions and Design* untuk diserahkan kepada PTM Jabatan/Kementerian yang berkenaan.
- 6.2.5 Dokumen tersebut adalah untuk diteliti dan dihadapkan kepada pihak pengurusan Jabatan/Kementerian untuk mendapatkan kebenaran. Tandatangan pihak pengurusan diperlukan di muka terakhir dokumen *Network Solutions and Design* tersebut.
- 6.2.6 PTM hendaklah mengisi borang *Executive Project Proposal (EPP)* bagi projek yang melibatkan rekabentuk rangkaian, atau borang *Activity Request Form (ARF)* bagi pembelian peralatan sahaja, setelah kebenaran daripada pihak pengurusan Jabatan/Kementerian diperolehi untuk dihadapkan ke *Digital Transformation Review Committee (DTRC)* di Pusat Kebangsaan E-Kerajaan melalui emel ke [dtrc@egc.gov.bn](mailto:dtrc@egc.gov.bn). (cc [procurement@egc.gov.bn](mailto:procurement@egc.gov.bn) dan [network@egc.gov.bn](mailto:network@egc.gov.bn) )
- 6.2.7 Pihak DTRC kemudian akan mengkaji borang yang dihantar oleh PTM sebelum memberi kebenaran kepada projek atau pembelian berkenaan.
- 6.2.8 Sekiranya DTRC tidak memberi kebenaran, PTM hendaklah menghubungi Syarikat Huawei untuk melakukan *site study* sekali lagi atau menghantar dokumen *Network Solutions and Design* yang baru kepada PTM jabatan atau kementerian berdasarkan komen-komen daripada DTRC.
- 6.2.9 Sekiranya kebenaran daripada DTRC telah diperolehi, Jabatan atau Kementerian seterusnya boleh mengeluarkan Purchase Order (PO) kepada Syarikat Huawei (**Rujuk para 10 - Purchase Order (PO)/Contract Dalam Sistem TAFIS di bawah**). Pastikan TAFIS (PO)/Kontrak mengandungi nama pegawai dan nombor telefon yang senang dihubungi untuk memudahkan syarikat pembekal membuat jadual penghantaran.
- 6.2.10 Setelah TAFIS PO/Contract yang lengkap diterima, syarikat pembekal akan membekalkan peralatan rangkaian dan perkhidmatan yang dipesan kepada Kementerian/Jabatan berkenaan.
- 6.2.11 Pengguna/PTM di Kementerian/Jabatan akan menerima peralatan-peralatan yang dipesan pada masa penghantaran yang telah dipersetujui /ditetapkan bersama syarikat pembekal.
- 6.2.12 Syarikat pembekal akan melaksanakan pemasangan dan dipantau oleh pengguna/PTM.

- 6.2.13 Setelah pemasangan selesai syarikat pembekal dan pengguna/PTM akan melakukan ujian (*User Acceptance Test*) dan seterusnya menandatangani *Acceptance Certificate* [Lampiran 3].
- 6.2.14 Syarikat pembekal akan menghadapkan inbois dan dokumen-dokumen sokongan kepada Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing.
- 6.2.15 Pengguna/PTM mengesahkan inbois sebaik sahaja ianya di terima.
- 6.2.16 Bahagian Kewangan Kementerian/Jabatan masing-masing mengeluarkan baucer pembayaran untuk pembayaran.
- 6.2.17 Pengguna/PTM memastikan pembayaran dibuat dari masa ke semasa dan memastikan tunggakan dijelaskan. **Pembayaran hendaklah dibuat tidak lebih dari enam puluh (60) hari daripada tarikh inbois diterima** daripada syarikat pembekal.
- 6.2.18 Pihak Kementerian bertanggungjawab untuk memastikan bahawa semua urusan berkaitan dengan perolehan peralatan rangkaian memenuhi dasar-dasar Kerajaan.

## **SYARAT DAN TERMA KONTRAK NETWORK CENTRAL PROCUREMENT (NCP)**

### **Hak milik dan penggunaan**

- 7.1 Peralatan-peralatan yang dibekalkan secara pembelian langsung adalah hak milik Kementerian/Jabatan tersebut.
- 7.2 Kementerian/Jabatan hendaklah membuat daftar peralatan (inventori) dan memastikan ianya dikemaskini dengan teratur.
- 7.3 Pengguna hendaklah menggunakan peralatan tersebut dengan cermat dan tidak melakukan sebarang pengubahsuaian kepada peralatan berkenaan melainkan setelah mendapat kebenaran daripada Ketua Jabatan masing-masing.

### **Jaminan (*Warranty*) dan Pemeliharaan (*Maintenance*)**

- 8.1 Tempoh jaminan (**warranty**) bagi peralatan-peralatan rangkaian adalah selama **dua belas (12) bulan** bermula daripada tarikh *Acceptance Certificate* ditandatangani oleh pihak Kementerian/Jabatan. Manakala tempoh **pemeliharaan** adalah selama enam puluh (60) bulan atau **lima (5) tahun** bermula dari tarikh Tempoh Jaminan telah tamat.
- 8.2 Jika peralatan didapati rosak semasa tempoh jaminan dan pemeliharaan (kerosakan yang bukan diakibatkan oleh pengguna) dan tidak dapat diperbaiki lagi, syarikat pembekal akan

menggafntikan peralatan yang rosak dengan peralatan lain yang mempunyai spesifikasi yang sama atau lebih tinggi.

- 8.3 Jika peralatan berkenaan mengalami kerosakan dan masa untuk memperbaikinya melebihi daripada tempoh yang ditetapkan (**rujuk LAMPIRAN 4 STANDARD COVERAGE PERIOD, RESPONSE TIME & RESOLUTION TIME**) ataupun peralatan tersebut dibawa balik ke tempat syarikat pembekal, maka syarikat pembekal dikehendaki untuk menyediakan peralatan lain sebagai pinjaman sehingga peralatan yang asal siap diperbaiki dan dipasang semula di tempat pengguna.
- 8.4 Kementerian/Jabatan tidak perlu membuat sebarang pembayaran bagi proses penggantian/peminjaman peralatan tersebut.
- 8.5 Tempoh jaminan akan ditangguhkan sehingga peralatan yang rosak siap diperbaiki atau peralatan lain sebagai penggantian tetap telah diberikan kepada pengguna.

### **Purchase Order (PO) / Kontrak dalam Sistem TAFIS**

- 9.1 Pesanan bagi perolehan peralatan-peralatan rangkaian bolehlah dibuat dengan menyediakan *Purchase Order* (PO) dalam sistem TAFIS bagi pembelian peralatan rangkaian.
- 9.2 Tatacara bagi penyediaan PO dan kontrak dalam sistem TAFIS bolehlah diperolehi dari laman sesawang TAFIS ([www.tafis.gov.bn](http://www.tafis.gov.bn)).
- 9.3 Panduan penyediaan PO bagi pembelian peralatan rangkaian adalah seperti berikut:-

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>KETERANGAN</b>
i.	<i>PO Reference</i>	Rujukan perolehan Kementerian / Jabatan.  <u>Contoh:</u> EGNC/CP/2020.01
ii.	<i>Description</i>	Keterangan dan jenis peralatan yang ditempah.  <u>Contoh:</u> Access Switch S5720-28X-SI-AC
iii.	<i>PO Quantity</i>	Jumlah peralatan yang ditempah mengikut jenis peralatan  <u>Contoh:</u> Jumlah di tempah = 2 unit
iv.	<i>Price</i>	Kadar harga bagi satu (1) unit peralatan.  <u>Contoh:</u> Kadar harga Access Switch S5720-28X-SI-AC = \$3,862.33/unit
v.	<i>Amount</i>	Jumlah harga keseluruhan bagi pembekalan tersebut.

		<p><u>Contoh:</u> PO Quantity x Price = 2 x \$3,862.33 = \$7,724.66</p>
vi.	<i>Distribution</i>	Keterangan peruntukan yang digunakan untuk membiayai pembekalan tersebut. (i.e. Kod Program / Kod Aktiviti / Akaun / Cost Center)
vii	<i>Due Date</i>	Hendaklah dilengkapi dengan tarikh akhir peralatan tersebut dijangka dihantar oleh pihak syarikat pembekal iaitu tidak melebihi lima (5) minggu bagi pembelian secara langsung.
viii	<i>PO Line Comment</i>	<p>Hendaklah dilengkapi dengan perkiraan bagi peruntukan yang diperlukan bagi membiayai tempahan berkenaan.</p> <p><u>Contoh:</u> PO Quantity x Price = 5 x \$238.00 = \$1,190.00</p>
ix	<i>PO Header Comments</i>	<p>Hendaklah dilengkapi dengan keterangan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>a) Rujukan Kontrak NCP (EGNC/PM/4.1/2017);</li> <li>b) Rujukan dan tarikh Surat kebenaran LTK;</li> <li>c) Terma pembayaran;</li> <li>d) Nama pegawai dihubungi; dan</li> <li>e) Nombor telefon pegawai yang dihubungi.</li> </ul>

### Penerimaan Peralatan-Peralatan Rangkaian NCP

- 10.1. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan bahawa syarikat pembekal menghantar peralatan-peralatan rangkaian yang telah dipesan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh PO dikeluarkan.
- 10.2. Syarikat pembekal akan membuat memaklumkan secara bertulis sekurang-kurangnya tiga (3) hari sebelumnya mengenai tarikh dan masa penghantaran kepada Kementerian/Jabatan.
- 10.3. Jika syarikat pembekal belum menghantar peralatan tersebut dalam tempoh yang telah ditetapkan, Kementerian/Jabatan bolehlah mengenakan denda sebanyak 0.1% dari jumlah harga peralatan yang tertanggung bagi setiap hari (termasuk Hari Ahad dan Kelepasan Awam) sehingga maksimum sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga peralatan yang tertanggung berkenaan. Kementerian/Jabatan juga dikehendaki memaklumkan Pusat Kebangsaan E-Kerajaan ke [procurement@egc.gov.bn](mailto:procurement@egc.gov.bn) bagi perkara tersebut.
- 10.4. Semasa penghantaran, Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan bahawa spesifikasi dan jumlah peralatan-peralatan rangkaian yang diterima adalah sama dengan spesifikasi dan jumlah peralatan-peralatan rangkaian seperti yang tercatat di dalam TAFIS PO/Contract yang telah dikeluarkan. Kementerian/Jabatan perlu membuat pengesahan ke atas dokumen *Delivery Order* tidak lebih daripada lima (5) hari selepas peralatan diterima dan diperiksa.



- 10.5. Jika spesifikasi peralatan-peralatan rangkaian berkenaan adalah tidak sama, Kementerian/Jabatan berhak untuk menolak penerimaan peralatan rangkaian tersebut dan hendaklah mengarahkan syarikat pembekal untuk mengambil semula peralatan tersebut dalam masa tiga (3) hari selepas menerima makluman daripada Kementerian/Jabatan dan menggantikannya dengan peralatan yang mempunyai spesifikasi yang sama.
- 10.6. Sekiranya syarikat pembekal tidak mengambil semula peralatan tersebut dalam tempoh yang telah dinyatakan di atas, Kementerian/Jabatan boleh membuat tuntutan caj penyimpanan dan perbelanjaan lain yang digunakan untuk menyimpan peralatan tersebut. Jika syarikat pembekal tidak mengambil semula peralatan tersebut setelah 2 kali notis secara bertulis diberikan, Kementerian/Jabatan boleh membuang atau memusnahkan peralatan rangkaian tersebut.
- 10.7. Jika kuantiti peralatan-peralatan rangkaian berkenaan kurang, Kementerian/Jabatan boleh mengenakan denda sebanyak 0.1% dari jumlah harga peralatan yang tidak ada bagi setiap hari (termasuk Hari Ahad dan Kelepasan Awam) sehingga maksimum sepuluh peratus (10%) daripada jumlah harga peralatan yang berkenaan. Kementerian/Jabatan hendaklah mengarahkan syarikat pembekal untuk menghantar peralatan yang kurang tersebut secepat mungkin.
- 10.8. Kementerian/Jabatan hendaklah bekerjasama dengan syarikat pembekal dalam menetapkan tarikh penerimaan peralatan-peralatan tersebut dan membuat persediaan awal bagi menyediakan tempat bagi syarikat pembekal untuk membuat pemasangan.

#### **Pemasangan dan Ujian ke atas Peralatan Rangkaian NCP**

- 11.1. Kementerian/Jabatan hendaklah menyediakan satu tempat khas yang bersesuaian bagi melaksanakan pemasangan dan ujian terhadap peralatan-peralatan rangkaian tersebut.
- 11.2. Syarikat pembekal akan membuat pemasangan peralatan-peralatan rangkaian tersebut pada tarikh dan masa yang telah dipersetujui oleh Kementerian/Jabatan dan syarikat pembekal dalam *Project Work Plan* nanti.
- 11.3. Syarikat pembekal akan memaklumkan dan membuat temujanji dengan Kementerian/Jabatan secara bertulis sekurang-kurangnya tujuh (7) hari bekerja sebelum hari ujian bagi persediaan untuk membuat ujian ke atas peralatan rangkaian tersebut jika sekiranya ujian belum lagi dilaksanakan pada hari penghantaran peralatan rangkaian berkenaan.
- 11.4. Kementerian/Jabatan bersama-sama dengan syarikat pembekal hendaklah menguji peralatan rangkaian tersebut bagi sama-sama memastikan peralatan rangkaian berkenaan berfungsi dengan baik. Bagi peralatan rangkaian gunasama, ujian tersebut hendaklah disaksikan dan ditandatangani oleh wakil-wakil Kementerian/Jabatan yang terbabit.

- 11.5. Jika peralatan rangkaian berkenaan gagal berfungsi dengan baik semasa ujian dilaksanakan, Kementerian/Jabatan berhak untuk menolak penerimaan peralatan rangkaian tersebut. Syarikat pembekal akan menggantikan peralatan rangkaian tersebut dengan peralatan rangkaian lain yang mempunyai spesifikasi yang sama dan berfungsi dengan baik.

### Acceptance Certificate

- 12.1. Sebelum *User Acceptance Test* dilaksanakan, syarikat pembekal hendaklah memperolehi kelulusan daripada Kementerian/Jabatan bagi *UAT Scripts and Plans* sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum *UAT* dilaksanakan.
- 12.2. Pengguna ataupun wakil daripada Kementerian/Jabatan hendaklah melengkapkan dan menandatangani *Acceptance Certificate* setelah pemasangan dan ujian *User Acceptance Test* lulus ke atas peralatan rangkaian berkenaan selesai dilaksanakan (rujuk **LAMPIRAN 3**).
- 12.3. Agensi-agensi yang membuat perolehan peralatan-peralatan rangkaian melalui kontrak ini adalah bertanggungjawab untuk membuat pengesahan penerimaan peralatan-peralatan berkenaan tanpa berlengah-lengah.

### Pembayaran

- 13.1. Pembayaran bagi perolehan peralatan-peralatan rangkaian melalui kontrak induk Network Central Procurement hendaklah di buat menggunakan *Invoice Tracking* dalam sistem TAFIS.
- 13.2. Untuk makluman Kementerian/Jabatan, pembayaran kepada syarikat pembekal akan dilakukan secara berperingkat iaitu:
- a. Pembayaran pertama sebanyak 80% daripada jumlah inbois dilakukan dalam **tempoh enam puluh (60) hari setelah syarikat pembekal membuat penghantaran** peralatan rangkaian.
  - b. Pembayaran kedua sebanyak 20% daripada jumlah inbois (baki) dilakukan **dalam tempoh enam puluh (60) hari setelah UAT** selesai dilaksanakan.
- 13.3. Kementerian/Jabatan hendaklah memastikan salinan dokumen-dokumen berikut disertakan dengan salinan asal inbois tuntutan (**LAMPIRAN 5 – Contoh Inbois**) semasa memproses pembayaran tuntutan berkenaan:
- i. *TAFIS Purchase Order / Contract*;
  - ii. *Delivery Order*;
  - iii. *Acceptance Certificate*
  - iv. Surat Penganugerahan Tawaran (dimuat naik oleh syarikat pembekal dalam TAFIS Portal); dan
  - v. Surat Kebenaran Lembaga Tawaran Kecil, Jabatan Perdana Menteri.

[Nota: Salinan surat kebenaran ini boleh diperolehi dari CTO Kementerian/Jabatan atau Pusat Kebangsaan E-Kerajaan melalui emel: [finance@egc.gov.bn](mailto:finance@egc.gov.bn)]

### **Aduan Kerosakan**

- 14.1. Tatacara Meja Bantu (*Helpdesk Procedures*) akan diberikan kepada Kementerian/Jabatan oleh syarikat pembekal bagi kemudahan menghubungi syarikat pembekal jika sekiranya terdapat kerosakan atau tatacara penggunaan peralatan berkenaan.
- 14.2. Kementerian/Jabatan bolehlah menghubungi syarikat pembekal yang berkenaan bagi sebarang aduan kerosakan di sepanjang tempoh jaminan dan pemeliharaan peralatan rangkaian tersebut. Maklumat nombor telefon syarikat pembekal akan ditandakan pada peralatan rangkaian tersebut.
- 14.3. Bagi *Standard Coverage Period, Response Time* dan *Resolution Time* (rujuk **LAMPIRAN 4**).

### **Peralatan**

- 15.1. Syarikat pembekal bertanggungjawab melekatkan label peralatan ke atas setiap peralatan rangkaian NCP menggunakan *industrial sticker* tanpa kos tambahan. Label tersebut hendaklah antara lain mengandungi keterangan seperti berikut:
  - i. *the Contractor's Company Name;*
  - ii. *the Contractor's Contact Number and Help Desk Contact Number;*
  - iii. *Delivery Date;*
  - iv. *Expiry date of warranty;*
  - v. *Serial number of the Product; and*
  - vi. *the Customer's asset identification of the Product*
- 15.2. Kementerian/Jabatan disarankan untuk menghubungi syarikat pembekal bagi penggantian *label* yang kurang jelas, rosak atau hilang sepanjang tempoh jaminan dan pemeliharaan.

### **LAIN LAIN HAL**

16. Sebarang pertanyaan boleh dirujuk kepada:


Seksyen Perolehan  
Divisyen Kewangan dan Perolehan  
Pusat Kebangsaan E-Kerajaan, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi  
Simpang 69-18, Jalan E-Kerajaan,  
Gadong BE 1110,  
Negara Brunei Darussalam

Nombor Telefon: +673 2424955 ext 122/139 Fax: +673 2424940


Network Central Procurement Guidelines

E -mel: [procurement@egc.gov.bn](mailto:procurement@egc.gov.bn)

**LAMPIRAN 1 - CARTA ALIRAN BAGI TATACARA PEROLEHAN PERALATAN RANGKAIAN**



**LAMPIRAN 2 – BORANG NETWORK CENTRAL PROCUREMENT (NCP)**

																																																											
<b>PUSAT KEBANGSAAN E-KERAJAAN</b> <b>BORANG NETWORK CENTRAL PROCUREMENT (NCP)</b> <b>Perkhidmatan <i>Site Study</i></b>																																																											
<b>(A) KETERANGAN PEMOHON</b>																																																											
Nama :	<input type="text"/> (PTM/CTO)																																																										
Kementerian/ Jabatan:	<input type="text"/>																																																										
<b>(B) PERKHIDMATAN <i>SITE STUDY</i></b>																																																											
Tarikh <i>Site Study</i> diadakan (Cadangan)	<input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/>																																																										
Tujuan <i>Site Study</i> / Keterangan :	<input style="height: 100px;" type="text"/>																																																										
Alamat Tempat <i>Site Study</i> diadakan :	<input style="height: 40px;" type="text"/>																																																										
Nama Pegawai yang dapat dihubungi :	<input type="text"/>																																																										
Jawatan:	<input type="text"/>																																																										
Emel Kerajaan :	<input type="text"/>																																																										
No. Telefon: (+673)	<table border="1" style="display: inline-table;"><tr><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td><td><input type="text"/></td></tr><tr><td colspan="19" style="text-align: right;">(M)</td></tr><tr><td colspan="19" style="text-align: right;">(O)</td></tr></table>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	(M)																			(O)																		
<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>	<input type="text"/>																																								
(M)																																																											
(O)																																																											
<b>(C) PENGESAHAN PEMOHON</b>																																																											
Tandatangan :	<input style="width: 100%;" type="text"/>																																																										
Nama Pemohon ( )	Tarikh: <input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/>																																																										
<b>(D) UNTUK KEGUNAAN KONTRAKTOR</b>																																																											
Nama :	<input type="text"/> Huawei (B) Technologies Sdn Bhd																																																										
Tarikh Penerimaan :	<input type="text"/> / <input type="text"/> / <input type="text"/>																																																										
Rujukan Kontraktor :	<input type="text"/>																																																										
Hubungi kami: <a href="mailto:EGWC.Procurement@egc.gov.bn">EGWC Procurement (procurement@egc.gov.bn)</a>																																																											

**LAMPIRAN 3 - ACCEPTANCE CERTIFICATE**

**ACCEPTANCE CERTIFICATE**

TO: [Insert name of the Contractor]  
FROM: [Insert name of the End User] ("the End User")

Date: \_\_\_\_\_

Dear Sirs,

We refer to the agreement between the GOVERNMENT OF HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM and Contractor dated 26 November 2020 (**Agreement Ref. No. EGNC/PM/4.1/5.2018**) ("the Agreement") relating to the [purchase / hire]\* of Product ("the Product") and confirm the following:

1. The End User has today accepted the Product (and Operating Supplies) set out in Purchase Order Ref. No. \_\_\_\_\_.
2. The End User has inspected the Product (and Operating Supplies) and confirm that the same conforms to the description and specifications contained in the Agreement and the Purchase Order and that the same has been installed and set up to the End User's satisfaction at the Location (as defined in the Agreement).
3. The Product has passed the Installation Tests (as defined in the Agreement), the results of which are annexed hereto and signed by the End User for the purpose of identification.

SIGNED for and behalf of  
THE GOVERNMENT OF HIS MAJESTY THE SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM

[Ruang ini diisi oleh pihak Kementerian/Jabatan]

By : \_\_\_\_\_  
IC : \_\_\_\_\_  
Signature : \_\_\_\_\_  
Title : \_\_\_\_\_

[affix 'End User' Chop]

Asset No: EGNC/EGNC/2014/000000917/A2/1-1  
Serial No: CPU : NXV7JSMo1432603D8B2000

Lease Start Date: DD/MM/YYYY Lease End Date: DD/MM/YYYY

Tarikh di isikan oleh Kementerian/Jabatan

Ruang ini diisi oleh syarikat pembekal

Rujukan PO disikan oleh syarikat pembekal

Ruang ini disikan oleh Kementerian/Jabatan

\*Sila tandakan/potong yang tidak berkenaan

**LAMPIRAN 4 – STANDARD COVERAGE PERIOD, RESPONSE TIME & RESOLUTION TIME**

**Standard Coverage Period**

The standard coverage period shall be from Monday to Saturday from 7:45am to 5:00pm except for Friday which shall be from 7:45am to 11:30am and from 2:30pm to 5:00pm. The service level (“SL”) for Curative Support Services shall be the duration as described in the table below.

S N	Service Item	Description
1	<b>Help Desk: Technical Assistance Center (TAC) Support</b>	Available 24 hours a day, 7 days a week For Priority 1 calls, respond within 30 minutes For Priority 2 calls, respond within 60 minutes For Priority 3 calls, respond within 2 hours For Priority 4 calls, respond within Next Business Day (NBD) Response time is from the moment the Huawei TAC engineer accepts the service request to when he or she contacts the customer for the first time to provide remote technical service.
2	<b>Operating System (OS) Software Updates</b>	Provide the maintenance releases (patches and minor releases) of OS software.
3	<b>Online Self-Help Support</b>	Access to Huawei Knowledge Base website, product documents, and self-help tools, Smart Q&A, etc.
4	<b>Advance Hardware Replacement</b>	Available 24 hours a day, 7 days a week. Replacement parts will arrive within the following time period based on priority level after Huawei deems a spare part is necessary and a Return Merchandise Authorization (RMA) number is generated: Priority 1 and Priority 2 : within 8 hours Priority 3 and Priority 4 : within NBD Delivery time is calculated from the time Huawei deems a spare part is necessary and an RMA number is generated to the time when the replacement part arrives at the customer site.



5	<p><b>System Restoration (for system defects which can be resolved solely by hardware replacement without any further actions)</b></p>	<p>Priority 1 and Priority 2 : 48 hours</p> <p>Restoration time is calculated from the time Huawei has delivered the necessary spare part to customer site to the time hardware being replaced.</p>
---	--	---

Priority Level	Definition
<b>Priority 1 (P1)</b>	There is a critical impact on the customer's business operations.
<b>Priority 2 (P2)</b>	Significant aspects of the customer's business operations are negatively impacted; the customer is able to perform business operations, but performance of business operations are degraded or severely limited.
<b>Priority 3 (P3)</b>	These are faults that have limited impact to business operations, while most business operations remain functional.

**LAMPIRAN 5 - CONTOH INBOIS**

<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0 auto; width: 80%;"> <p style="text-align: center;"><b>COMPANY'S DETAIL</b> (Company's Logo, Name, Address, Contact Details)</p> </div>			
<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0 auto; width: 90%;"> <p><b>MINISTRY / DEPARTMENT'S DETAIL</b> (Ministry / Department, Address, Contact Person Name)</p> </div>	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin: 0 auto; width: 95%;"> <p>Invoice No : _____</p> <p>Date : _____</p> <p>D/O No. : _____</p> <p>P.O No. : _____</p> </div>		
ITEM DESCRIPTION	QUANTITY	UNIT PRICE	AMOUNT
<b><u>CONTRACT REF. : EGNC/PM/4.1/2.2017</u></b>			
1. Access Switch S5720-28X-SI-AC  S5720-28X-SI Bundle(24 Ethernet 10/100/1000 ports,4 of which are dual-purpose 10/100/1000 or SFP,4 10 Gig SFP+,with 150W AC power supply)	2	\$ 3,862.33	\$ 7,724.66
2. Wireless Controller AC6005-8-8AP  AC6005-8 Bundle(Including AC6005-8,Resource License 8AP,AC 110/220V)	3	\$2,595.62	\$ 7,786.86
<b>Remit payment to:-</b> Bank Name _____ Bank Account No _____			
<b>TOTAL =</b>			<b>\$ 15,511.52</b>
(Brunei Dollars: Fifteen Thousand Five Hundred and Eleven Dollar and Fifty-Two Cents Only)			